

17/08/1999

Rakyat lebih faham keadaan semasa: PM (HL)

Hafifi Hafidz in Khabarovsk

KHABAROVSK, Isnin - Keadaan di Malaysia sekarang bertambah baik dan rakyat lebih faham apa yang berlaku bagi membolehkan pilihan raya diadakan bila-bila masa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, beliau bagaimanapun masih menilai keadaan itu dan meminta rakyat yang sedang menunggu bila pilihan raya umum diadakan, supaya bersabar.

Beliau juga membayangkan, pilihan raya tidak mungkin diadakan dalam sebulan dua ini kerana beliau akan menghadiri beberapa persidangan antarabangsa di luar negara dalam tempoh itu.

"Saya masih lagi menilai keadaan. Saya rasa keadaan sekarang lebih baik berbanding beberapa bulan lalu. Rakyat sekarang lebih tahu mengenai pelbagai perkara tetapi saya masih belum memutuskannya lagi," katanya kepada wartawan Malaysia yang mengikuti rombongannya ke sini, hari ini.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di sini malam tadi untuk melakukan lawatan kerja tiga hari ke Khabarovsk, wilayah autonomi Russia.

Turut serta dalam rombongan itu ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha.

Perdana Menteri berkata, beliau akan tetap menghadiri Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (Said), Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Auckland, New Zealand dan perhimpunan agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di New York, bulan depan.

Difahamkan juga, di antara mesyuarat-mesyuarat itu, Dr Mahathir dijadual melawat Belarus di Russia dan Poland, pada bulan yang sama.

"Kita akan adakan pilihan raya apabila kita rasa ia patut diadakan, bukan diadakan kerana orang ramai sudah lama berdebar-debar menunggunya," kata beliau.

Ditanya sama ada beliau akan tetap menghadiri mesyuarat peringkat antarabangsa itu jika pilihan raya diadakan, Perdana Menteri menjawab: "Jika saya umumkan pilihan raya, tentu sekali saya tidak akan ke sana."

Mengenai beberapa jabatan dan agensi kerajaan sudah membekukan cuti kakitangan mereka bagi menghadapi kemungkinan pilihan raya diadakan bila-bila masa, Dr Mahathir berkata, tiada arahan seperti itu dibuat.

"Pembekuan cuti itu bukan kerana pilihan raya, tetapi disebabkan kegawatan ekonomi. Itu kerana kita tidak benarkan mereka pergi ke luar negara. Tiada sebarang arahan pembekuan cuti bagi menghadapi pilihan raya," katanya.

(END)